

**PERTANDINGAN INOVASI TERBAIK 2016  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**Tajuk Inovasi: KEMBARA KERJAYA SABAH 2015**

**1. Proses Pelaksanaan Inovasi**

Dibuat secara *in-house* tanpa melibatkan *out-source* yang dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dengan dibincang dan diputuskan oleh pengurusan Jabatan Tenaga Kerja Sabah.

**2. Proses sebelum dan selepas**

**Sebelum** adanya Kembara Kerjaya Sabah 2015 Program Penempatan Pekerjaan (3P) telah dilaksanakan disemua Pejabat Tenaga Kerja di Negeri Sabah –

- (i) Secara breperingkat-peringkat, walaupun melibatkan logistik yang sama.
- (ii) Penetapan tarikh program dibuat mengikut kesesuaian pejabat masing-masing, walapun melibatkan daerah berhampiran.
- (iii) Hanya tertumpu kepada Program 3P.

**Selepas** Kembara Kerjaya Sabah 2015 dilaksanakan beberapa objektif telah diberikan penekanan –

- (i) Berkonsepkan 'konvoi' bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi bagi membawa peluang pekerjaan dan maklumat-maklumat berkaitan pembangunan di Negeri Sabah.
- (ii) Pendedahan kepada rakyat tempatan berkaitan pembangunan di Negeri Sabah dan peluang-peluang yang wujud.
- (iii) Memberikan kesedaran kepada rakyat tempatan supaya tidak melepaskan peluang pembangunan tersebut.
- (iv) Pendedahan kepada kewujudan JobsMalaysia dan agensi-agensinya yang terlibat serta fungsinya.
- (v) Menambah nilai kebolehpasaran terutamanya golongan belia.

**3. Faedah-faedah Dari Inovasi Yang Telah Diperkenalkan**

**(a) Elemen Inovasi / Kreativiti**

- (i) Mengaplikasikan *Stategik Lautan Biru Kebangsaan (INBOS)*
- (ii) Penggunaan Logistik jabatan dan agensi lain secara maksima bagi mengurangkan kos operasi (program)
- (iii) Penggunaan pegawai dan kakitangan di dalam program secara bersama dan ini seakli gus dapat mengurangkan bebanan kepada jabatan dalam aspek pegawai dan kakitangan.

**(b) Elemen Keberkesanan**

Program yang dijalankan bermula 11-15 Mei 2015 yang bermula di Kota Kinabalu seterusnya ke Keningau, Tawau, Semporna, Lahad Datu dan berakhir di Sandakan telah merekodkan seramai 11,656 pengunjung. Semasa program tersebut sebanyak 4,896 kekosongan jawatan telah di iklankan dengan penglibatan 114 majikan. Hasil daripada ini sebanyak 2,581 penempatan telah berjaya dilakukan.

**(c) Elemen Signifikan**

Karnival Pekerjaan adalah merupakan pengisian utama dalam program ini yang mana telah memberi peluang kepada pencari kerja mendapatkan pekerjaan melalui Temuduga Terbuka yang dijalankan oleh majikan-majikan yang turut serta dalam program ini.

Di samping itu, dengan penglibatan 13 jabatan dan agensi persekutuan serta 4 daripada agensi kerajaan negeri telah memberi pendedahan kepada penduduk tertutamanya di daerah-daerah yang terlibat berkaitan pembangunan di negeri Sabah serta mendapat perkhidmatan secara terus oleh jabatan/agensi yang terlibat.

Penglibatan jabatan dan agensi lain dalam program ini telah membantu jabatan dalam penjimatan samada kos program, penggunaan logistik dan penglibatan pegawai serta kakitangan.

Program tersebut telah mencapai objektif yang sangat menggalak dengan menempatkan seramai 2,381 pencari kerja dalam masa 5 hari serta telah menarik ramai orang khususnya beliawanis untuk keluar menghadiri karnival dan mencari peluang-peluang kerjaya yang ditawarkan.

**(d) Elemen Relevan**

Program yang melibatkan 13 jabatan/agensi persekutuan, 4 jabatan/agensi negeri, majikan dan penyedia latihan dilihat telah menggunakan *Strategi Lautan Biru Kebangsaan (INBOS)* dalam pelaksanaan program, telah menunjukkan impak yang berkesan di dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan jabatan.

**4. Pengiktirafan diterima**

Ketua Menteri Sabah Y.A.B. Datuk Seri Panglima Musa Hj. Aman telah memberikan penghargaan kepada Jabatan Tenaga Kerja Sabah atas inisiatif baru dengan melaksanakan program ini. Beliau telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Program yang diadakan di perkarangan parkir Gian't, Sandakan pada 15 Mei 2015.

**5. Gambar-gambar berkaitan**

*Lihat Laporan Program Kembara Kerjaya Sabah 2015.*

## 6. Implikasi Kewangan (jika ada)

## 7. Penutup

Program merupakan inisiatif baru yang berkonsepkan konvoi yang berjaya melibatkan pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah, Majikan Swasta serta Penyedia Latihan. Ini memperlihatkan kerjasama pelbagai pihak berkonsepkan *Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)* yang berjaya memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada yang telah berjaya memberikan impak yang tinggi.

**Nota:** Sekiranya terdapat maklumat tambahan, Kumpulan akan mengemukakannya kemudian.

Disediakan,

Kumpulan Inovasi 2016  
Jabatan Tenaga Kerja Sabah  
Tarikh: 26 Julai 2016